

Cuba cetus rusuhan 13 Mei

Tahanan ISD dedah pakatan

SINGAPURA, Khamis (BHS) — Dua daripada empat orang yang ditahan oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (ISD) menceritakan bagaimana mereka membuat persiapan satu pergaduhan kaum yang dikatakan akan berlaku pada atau sekitar tarikh 13 Mei yang lalu (M).

Dalam wawancara yang disiarkan menerusi televisyen malam tadi, Maznan bin Awi, 30 tahun, berkata:

"Saya percaya yang rusuhan kaum itu akan berlaku akibat ekoran perjumpaan saya dengan seorang dari-pada anggota ilmu silat kebatinan Asma'ul Husna pada 13 April lalu, yang mengatakan bahawa rusuhan kaum akan berlaku pada tarikh 13 Mei."

Maznan juga menyebut tentang perjumpaannya dengan seorang lagi ahli kumpulan silat kebatinan, Jaya Sakti, yang juga mengatakan bahawa gurunya meramalkan akan terjadinya rusuhan kaum pada 13 Mei lalu. PERKUMAAN

"Saya merasa insaf dan sedar akan perbuatan saya, kerana kalau rusuhan itu ter-



MOHD NOOR

SENIAK/SILAT
jadi, akibatnya terlalu buruk. Saya bersyukur kerana berita rusuhan yang saya sebarkan itu tidak menyebabkan rusuhan perkauman yang sebenarnya," katanya.

Maznan ialah pegawai bomba dan keselamatan yang dipecat daripada perkhidmatan polis pada tahun 1986 kerana menyerang seorang awam.

Seorang lagi tahanan, Mohd Noor bin Kasmadi, berusia 37 tahun, pula menceritakan:

"Pada 19 April yang lalu, ketika saya mengajar agama di rumah saya di Ubi Avenue, sahabat lama saya yang bernama Maznan bin Awi datang ke rumah saya dan mengatakan ba-



A. GANI

SENIAK/SILAT
hawa dia ada menerima maklumat daripada orang yang boleh dipercayai, bahawa rusuhan itu akan berlaku pada 13 Mei lalu.

"Dia mengaku dirinya sebagai ahli kumpulan kebatinan Budi Suci Sejati.

Insaf

"Dia juga ada memberi ceramah kepada murid-murid saya seramai 15 orang dan menggesa untuk membuat persiapan dari segi kebatinan dan juga meminta seramai 10 orang daripada murid saya untuk dilatih dalam segi kebatinan Budi Suci Sejati.

"Persiapan melakukannya ialah dengan menggesa murid-murid saya untuk bera-



MAZNAN AWI



MOHD JUMAAT

mal lebih lagi menge-nai kebatinan yang saya perturunkan, iaitu kebatinan *Urusan Asma'ul Husna* yang saya pelajari.

"Saya juga menyiapkan beberapa helai selempang merah dan menyerah-kannya kepada murid-murid saya sebagai persiapan untuk menghadapi rusuhan itu." **-5 JUN 1987**

"Saya mengisi dengan kebatinan akan beberapa bilah barang kepunyaan murid-murid saya, iaitu dengan ilmu-ilmu yang saya ketahu."

O, Harian (M)

Mohd Noor, seorang konstabel polis di Balai Polis Tanglin, juga berkata:

"Saya sekarang kesal dan sedar serta insaf, tindakan yang saya ambil itu menyalahi dari segi undang-undang negeri. Sepatutnya sebagai seorang pegawai polis, saya melaporkan perkara itu kepada pegawai berkenaan.

"Saya kesal dan sedar serta bersyukur sebab saya ditahan sebelum berlakunya gerakan rusuhan itu.

"Sebab jika tidak, mungkin saya akan bertindak dengan perkara-perkara yang tidak diingini. Ia juga akan membabitkan murid saya dan mungkin menyusahkan orang lain yang tidak bersalah.

"Dan saya insaf sekarang dan berjanji akan kembali ke pangkuhan masyarakat serta menjadi warganegara Singapura yang berguna."